



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



# BERITA

24 JAM

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

*Untuk makluman:*

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PPP)
- Setiausaha Akhbar

**Tarikh: 3 September 2025**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## Jelajah Karnival KPDN 2025 dan KBBM Zon Sarawak kini di Kuching Waterfront

**KUCHING:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan meneruskan siri ke-3 Jelajah Karnival KPDN 2025 dan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) dengan penganjuran di Zon Sarawak dari 5 hingga 7 September 2025 di Kuching Waterfront.

Menyusuli kejayaan pelaksanaan di Zon Selatan dan Zon Sabah sebelum ini, penganjuran ini mencerminkan usaha berterusan KPDN untuk memperluas capaian perkhidmatan kerajaan secara inklusif, merentas pelbagai latar belakang komuniti dan kawasan geografik.

Ia dirangka sebagai platform menyeluruh bagi memperkalkan kepada rakyat tentang peranan, fungsi serta perkhidmatan yang ditawarkan oleh KPDN dan agensi-agensi di bawahnya.

### AKTIVITI MENARIK, CABUTAN BERTUAH SEPANJANG 3 HARI PENGANJURAN

Pelbagai aktiviti interaktif dan berinformasi akan diadakan sepanjang tiga hari penganjuran termasuk advokasi kepenggunaan, khidmat nasihat tuntutann pengguna di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia, sesi pocket talk serta pendaftaran untuk perkhidmatan dan inisiatif KPDN seperti ReDI (inisiatif Pendidikan Sektor Peruncitan), aplikasi PriceCatcher, Kad Diskaun Khas Menu RAHMAH dan pendaftaran perniagaan melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).  
Pastinya Jualan RAHMAH MADANI akan menjadi tumpuan orang ramai yang ingin mendapatkan barangan keperluan harian pada harga diskaun 10-30% lebih rendah daripada pasaran setempat. Turut disajikan, pelbagai hidangan makanan dan minuman Menu RAHMAH pada harga serendah R\$5.00.

Jualan pelbagai produk dan barangan daripada usahawan tempatan juga bakal menjadi tarikan utama pengunjung yang mana inisiatif Kempen Beli

Barangan Malaysia turut diperkasakan bersama slogan "Jom Beli Lokal" sepanjang siri jelajah Karnival KPDN tahun 2025.

Kempen ini merupakan satu usaha strategik bagi memperkukuh ekonomi domestik melalui galakan terhadap pembelian produk tempatan selain membuka ruang dan peluang lebih luas kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) untuk memasarkan produk mereka kepada khalayak yang lebih besar, sekaligus menyumbang kepada perkembangan ekosistem keusahawanan tempatan.

Menariknya, melalui pembelian di mana-mana khemah jualan, pengunjung berpeluang menyertai cabutan bertuah dengan hadiah-hadiah lumayan seperti sebuah kereta Proton S70, Perodua Alza, dan motosikal Modenas Kriss.

Kemeriahan Karnival KPDN akan dihangatkan lagi dengan persembahan daripada artis undangan seperti Melissa Francis, Amir Jahari, Baby Shima dan Wooden Gun di samping persembahan buskers, tarian kebudayaan, pertandingan Karaoke Bintang Lokal dan Bintang Kecil KPDN, pertandingan gusti lengan serta persembahan istimewa sempena Maulidur Rasul iaitu qasidah oleh Kumpulan Raudhatul Muhibbin dan nasyid oleh kumpulan ternama, NowSeeHeart.

Bagi peminat dunia automotif, karnival ini turut menampilkan pameran oleh jenama-jenama tempatan selaku rakan strategik seperti Proton, Perodua dan Modenas yang menawarkan pakej jualan dan promosi menarik.

### INISYATIF SARA HIDUP RAKYAT DI PAVILION NACCOL

Salah satu komponen utama yang turut mencuri tumpuan ialah Pavilion Kos Sara Hidup (NACCOL), yang mengetengahkan usaha kerajaan dalam menangani isu kos sara hidup rakyat.

Pavilion ini dibahagikan kepada tiga segmen utama iaitu Inisiatif Kos Sara Hidup, Ban-

tuhan Sosial dan Penjanaan Pendapatan yang menghimpunkan pelbagai Kementerian dan agensi yang terlibat secara langsung dalam penyediaan bantuan dan sokongan kepada rakyat.

Selain itu, beberapa pertandingan sebagai wadah sara hidup juga diadakan iaitu Pertandingan Elispedisi Kos Sara Hidup, The Band Showdown yang menampilkan bakat muzik tempatan sebagai saluran menjana pendapatan, serta pertandingan E-Sports Sara Hidup: Mobile Legends Bang Bang, khusus untuk menarik penyertaan golongan belia.

Isimewa untuk anak muda yang mencari pekerjaan, Karnival Kerjaya MyFutureJobs juga akan diadakan dengan kerjasama pihak PERKESO, menawarkan pelbagai peluang pekerjaan dari syarikat-syarikat terkemuka, bimbingan kerjaya dan sesi temuduga secara terus dengan majikan.

### SEMUA DIJEMPUT HADIR DAN MASUK PERCUMA

Selaras dengan slogan pada tahun 2025, Ikhthiar KITA Untuk Semua, Jelajah Karnival KPDN 2025 dan KBBM Zon Sarawak diharap bukan sahaja berfungsi sebagai medium penyampaian maklumat dan perkhidmatan KPDN secara terus kepada rakyat, tetapi juga dapat menerapkan ilmu kepenggunaan demi melahirkan masyarakat pengguna yang berdaya upaya selain sentiasa mengutamakan produk dan barangan Malaysia melalui semangat Jom Beli Lokal.

Tujuh hari-rani ajak rakyat dan keluarga beranibeh ke Kuching Waterfront, Sarawak dari 5 hingga 7 September ini seawal 9.00 pagi. Kenali fungsi dan perkhidmatan KPDN, membeli barangan keperluan di Jualan RAHMAH MADANI dan reraui usahawan tempatan, rebut peluang pekerjaan di samping berhubung dengan pelbagai persembahan yang disajikan.

Ikuti saluran media sosial rasmi KPDN untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini program.

Ikhthiar K.I.T.A Untuk Semua



## Jelajah Karnival KPDN 2025 dan KBBM Zon Sarawak kini di Kuching Waterfront

Oleh Nurin Abdullah

**KUCHING:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan meneruskan siri ke-3 Jelajah Karnival KPDN 2025 dan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) dengan penganjuran di Zon Sarawak dari 5 hingga 7 September 2025 di Kuching Waterfront.

Menyusuli kejayaan pelaksanaan di Zon Selatan dan Zon Sabah sebelum ini, penganjuran ini mencerminkan usaha berterusan KPDN untuk memperluas capaian perkhidmatan kerajaan secara inklusif, merentas pelbagai latar belakang komuniti dan kawasan geografi.

Ia dirangka sebagai platform menyeluruh bagi memperkalkan kepada rakyat tentang peranan, fungsi serta perkhidmatan yang ditawarkan oleh KPDN dan agensi-agensi di bawahnya.

### AKTIVITI MENARIK, CABUTAN BERTUAH SEPANJANG 3 HARI PENGANJURAN

Pelbagai aktiviti interaktif dan berinformasi akan diadakan sepanjang tiga hari penganjuran termasuk advokasi kepenggunaan, khidmat nasihat tuntutan pengguna di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia, sesi pocket talk serta pendaftaran untuk perkhidmatan dan inisiatif KPDN seperti ReDI (inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan), aplikasi PriceCatcher, Kad Diskaun Khas Menu RAHMAH dan pendaftaran perniagaan melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Pastinya Jualan RAHMAH MADANI akan menjadi tumpuan orang ramai yang ingin mendapatkan barangan keperluan harian pada harga diskaun 10-30% lebih rendah daripada pasaran setempat. Turut disajikan, pelbagai hidangan makanan dan minuman Menu RAHMAH pada harga serendah RMS.00.

Jualan pelbagai produk dan barangan daripada usahawan tempatan juga bakal menjadi tarikan utama pengunjung yang mana inisiatif Kempen Beli

Barangan Malaysia turut diperkasakan bersama slogan "Jom Beli Lokal" sepanjang siri jelajah Karnival KPDN tahun 2025.

Kempen ini merupakan satu usaha strategik bagi memperkukuh ekonomi domestik melalui galakan terhadap pembelian produk tempatan selain membuka ruang dan peluang lebih luas kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) untuk memasarkan produk mereka kepada khalayak yang lebih besar, sekali gus menyumbang kepada perkembangan ekosistem keusahawanan tempatan.

Menariknya, melalui pembelian di mana-mana khemah jualan, pengunjung berpeluang menyertai cabutan bertuah dengan hadiah-hadiah lumayan seperti sebuah kereta Proton S70, Perodua Alza, dan motosikal Modenas Kriss.

Kemeriahan Karnival KPDN akan dihangatkan lagi dengan persembahan daripada artis jemputan seperti Melissa Francis, Amir Jahari, Baby Shima dan Wooden Gun di samping persembahan buskers, tarian kebudayaan, pertandingan Karaoke Bintang Lokal dan Bintang Kecil KPDN, pertandingan gusti lengan serta persembahan istimewa sempena Maulidur Rasul iaitu qasidah oleh Kumpulan Raudhatul Muhibbin dan nasyid oleh kumpulan ternama, NowSeeHeart.

Bagi peminat dunia automotif, karnival ini turut menampilkan pameran oleh jenama-jenama tempatan selaku rakan strategik seperti Proton, Perodua dan Modenas yang menawarkan pakej jualan dan promosi menarik.

### INISIATIF SARA HIDUP RAKYAT DI PAVILION NACCOL

Salah satu komponen utama yang turut mencuri tumpuan ialah Paviliun Kos Sara Hidup (NACCOL), yang mengetengahkan usaha kerajaan dalam menangani isu kos sara hidup rakyat.

Pavilion ini dibahagikan kepada tiga segmen utama iaitu Inisiatif Kos Sara Hidup, Ban-

tuhan Sosial dan Penjanaan Pendapatan yang menghimpunkan pelbagai kementerian dan agensi yang terlibat secara langsung dalam penyediaan bantuan dan sokongan kepada rakyat.

Selain itu, beberapa pertandingan sebagai wadah sara hidup juga diadakan iaitu Pertandingan Ekspedisi Kos Sara Hidup, The Band Showdown yang menampilkan bakat muzik tempatan sebagai saluran menjana pendapatan, serta pertandingan E-Sports Sara Hidup: Mobile Legends Bang Bang, khusus untuk menarik penyertaan golongan belia.

Istimewa untuk anak muda yang mencari pekerjaan, Karnival Kerjaya MyFutureJobs juga akan diadakan dengan kerjasama pihak PERKESO, menawarkan pelbagai peluang pekerjaan dari syarikat-syarikat terkemuka, bimbingan kerjaya dan sesi temuduga secara terus dengan majikan.

### SEMUA DIJEMPUT HADIR DAN MASUK PERCUMA

Selaras dengan slogan pada tahun 2025, Ikhtiar KITA Untuk Semua, Jelajah Karnival KPDN 2025 dan KBBM Zon Sarawak diharap bukan sahaja berfungsi sebagai medium penyampaian maklumat dan perkhidmatan KPDN secara terus kepada rakyat, tetapi juga dapat menerapkan ilmu kepenggunaan demi melahirkan masyarakat pengguna yang berdaya upaya selain sentiasa mengutamakan produk dan barangan Malaysia melalui semangat Jom Beli Lokal.

*Juh rami-rami ajak rakan dan keluarga berambeli ke Kuching Waterfront, Sarawak dari 5 hingga 7 September ini seawal 9.00 pagi.* Kenali fungsi dan perkhidmatan KPDN, membeli barangan keperluan di Jualan RAHMAH MADANI dan reruai usahawan tempatan, rebut peluang pekerjaan di samping berhibur dengan pelbagai persembahan yang disajikan.

Ikuti saluran media sosial rasmi KPDN untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini program.

**Ikhtiar K.I.T.A Untuk Semua**

## Pengarah didenda RM5,000 jual minyak masak 'mahal'



SHANKER

**IPOH** - Seorang pengarah sebuah pasar mini didenda RM5,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam selepas mengaku bersalah menjual minyak masak melebihi harga kawalan pada April tahun lalu.

Tertuduh, J. Shanker, 43, juga berdepan hukuman penjara lima hari jika gagal membayar denda berkenaan.

Hakim Ainul Shahrin Mohamad menjatuhkan hukuman itu selepas tertuduh membuat

pengakuan bersalah atas pertuduhan yang dibacakan jurubahasa.

Mahkamah turut memerintahkan agar wang jualan 47 botol minyak masak yang dirampas sebanyak RM485.85 itu dilucuthak kepada kerajaan melalui Pengawal.

Mengikut pertuduhan pindaan, tertuduh sebagai Pengarah Syarikat Mini Market Desa Rishah Sdn. Bhd. didapati menjual dan menawarkan untuk menjual ba-

rangan harga terkawal iaitu minyak masak botol dua kilogram jenama Seri Murni selain mengikut harga yang ditentukan oleh Pengawal di bawah Seksyen 4, 5 dan 7 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Perbuatan itu dilakukan di Mini Market Desa Rishah Sdn. Bhd. di Taman Klebang Ria, Chemor di dalam daerah Kinta pada pukul 12.30 tengah hari pada 17 April 2024.

Pertuduhan terhadap lelaki

itu dikemukakan mengikut Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 18(b) akta sama.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), N. Shamani, manakala tertuduh diwakili peguam bela, Ahmad Shamil Azad Abdul Hamid.

Tertuduh membayar denda berkenaan.

# Director of mini market fined for selling cooking oil above set price

**IPOH:** The director of mini-market was fined RM5,000 by the Sessions Court in Ipoh Tuesday after pleading guilty to selling bottled cooking oil above the set price last year.

Judge Ainul Shahrin Mohamad sentenced J. Shanker, 43, and ordered him to serve five days in jail if he fails to pay the fine.

The court also ordered that RM485.85, the proceeds from the related sales, be forfeited and handed over to the Malaysian government.

According to the charge, Shanker, as the director of Mini

Market Desa Rishah Sdn Bhd, was found selling or offering for sale a controlled-price item, specifically two-kilogramme bottles of Seri Murni cooking oil, at a price other than that determined under Section 4, 5, or 7 of the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011.

The offence was committed at Mini Market Desa Rishah Sdn Bhd, No. 1 & 3 Jalan Klebang Ria 3, Taman Klebang Ria, Chemor, at 12:30 pm on April 17, 2024.

The charge was filed under Section 11 of the Price Control

and Anti-Profiteering Act 2011 and is punishable under Section 18(b) of the same act. If convicted, the offence carries a maximum fine of RM100,000 or a jail term not exceeding three years, or both. For a second or subsequent offence, the penalty is a maximum fine of RM250,000 or a jail term not exceeding five years, or both.

The prosecuting officer for the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN), N. Shamani, requested an appropriate sentence. —  
Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **BERITA ONLINE**

## **KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**BERITA ONLINE BERTARIKH 3 SEPTEMBER 2025**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
3-Sep	Pengarah pasar mini didenda RM5,000, jual minyak masak lebih harga kawalan	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/pengarah-pasar-mini-didenda-rm5000-jual-minyak-masak-lebih-harga-kawalan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/pengarah-pasar-mini-didenda-rm5000-jual-minyak-masak-lebih-harga-kawalan/</a>	UTUSAN
3-Sep	Pengarah syarikat didenda RM5,000 jual minyak masak lebih harga	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/746185/berita/semasa/pengarah-syarikat-didenda-rm5000-jual-">https://www.sinarharian.com.my/article/746185/berita/semasa/pengarah-syarikat-didenda-rm5000-jual-</a>	SINAR HARIAN
3-Sep	Pengarah pasar mini didenda RM5,000, mengaku jual minyak masak lebih 60 sen	<a href="https://mgperak.com/pengarah-pasar-mini-didenda-rm5000-mengaku-jual-minyak-masak-lebih-60-sen/">https://mgperak.com/pengarah-pasar-mini-didenda-rm5000-mengaku-jual-minyak-masak-lebih-60-sen/</a>	MG PERAK
3-Sep	Mini-market owner fined RM5,000 for profiteering on sale of cooking oil	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/09/1269176/mini-market-owner-fined-rm5000-profiteering-sale-cooking-oil">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/09/1269176/mini-market-owner-fined-rm5000-profiteering-sale-cooking-oil</a>	NST
3-Sep	KPKM teruskan pemantauan bekalan beras tempatan di pasaran	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/09/02/kpkm-teruskan-pemantauan-bekalan-beras-tempatan-di-pasaran/">https://www.tvsarawak.my/2025/09/02/kpkm-teruskan-pemantauan-bekalan-beras-tempatan-di-pasaran/</a>	TVS
3-Sep	Subsidi beras putih tempatan hanya untungkan pengilang, pemborong - CAKE	<a href="https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2025/09/1441451/subsidi-beras-putih-tempatan-hanya-untungkan">https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2025/09/1441451/subsidi-beras-putih-tempatan-hanya-untungkan</a>	BERITA HARIAN
3-Sep	KPKM Sentiasa Pantau Harga Beras Putih Tempatan Di Pasaran	<a href="https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2463270">https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2463270</a>	BERNAMA
3-Sep	Laporan bekalan, harga beras tempatan dibentang setiap mesyuarat pasca Kabinet	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2025/09/laporan-bekalan-harga-beras-tempatan-dibentang-setiap-">https://www.utusan.com.my/berita/2025/09/laporan-bekalan-harga-beras-tempatan-dibentang-setiap-</a>	UTUSAN



3-Sep	Harga beras RM26 tidak relevan, perlu diselaras	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/harga-beras-rm26-tidak-relevan-perlu-diselaras/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/harga-beras-rm26-tidak-relevan-perlu-diselaras/</a>	UTUSAN
3-Sep	12 tong minyak petrol tak sempat diseludup ke Thailand	<a href="https://malaysiagazette.com/2025/09/02/12-tong-minyak-petrol-tak-sempat-diseludup-ke-thailand/">https://malaysiagazette.com/2025/09/02/12-tong-minyak-petrol-tak-sempat-diseludup-ke-thailand/</a>	MALAYSIA GAZETTE
3-Sep	Pengarah pasar mini didenda RM5,000 jual minyak masak botol melebihi harga ditetapkan	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/09/1259461/pengarah-pasar-mini-didenda-rm5000-jual-minyak-masak-botol">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/09/1259461/pengarah-pasar-mini-didenda-rm5000-jual-minyak-masak-botol</a>	HARIAN METRO
3-Sep	Pengarah pasar mini mengaku bersalah, jual minyak masak melebihi harga kawalan	<a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/pengarah-pasar-mini-mengaku-bersalah,-jual-minyak-masak-melebihi-harga-kawalan">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/pengarah-pasar-mini-mengaku-bersalah,-jual-minyak-masak-melebihi-harga-kawalan</a>	RTM
3-Sep	Director Of Mini Market Fined RM5,000 For Selling Cooking Oil Above Set Price	<a href="https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2463179">https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2463179</a>	BERNAMA